

# Mesyuarat khas seragamkan sistem perundangan Islam hari ini

UM 14 JAN 2003

KUALA LUMPUR 13 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bertindak segera ke arah menyeragamkan sistem perundangan Islam dengan memanggil satu mesyuarat khas mengenainya esok melibatkan semua negeri.

Mesyuarat di Putrajaya itu dijangka dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim dan Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin; Peguam Negara, Datuk Abdul Ghani Patail; wakil Majlis Agama Islam semua negeri dan wakil pelbagai komponen perundangan Islam.

Rais ketika mengesahkan perkara itu berkata, antara agenda yang dipercayai akan diberikan keutamaan oleh Dr. Mahathir ialah isu ketidakseragaman perundangan Islam di negeri-negeri yang banyak dipertikaikan sejak kebelakangan ini.

## Keadilan

“Saya percaya Perdana Menteri sendiri akan membangkitkan mengenai masalah implementasi dan keadilan syariah di negeri-negeri,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Rais ditemui pemberita selepas meninjau perkembangan pembinaan Kompleks Mahkamah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Jalan Duta.

Rais berkata, Perdana Menteri sebelum ini telah mengeluarkan arahan supaya satu mesyuarat peringkat menteri diadakan berikutan timbulnya pelbagai masalah keadilan di mahkamah-mahkamah syariah.

Semalam, Dr. Mahathir berkata, Kerajaan Pusat akan mengadakan perbincangan segera dengan kerajaan-kerajaan negeri bagi mencari

■ Lihat muka 8

## Mesyuarat khas seragamkan sistem perundangan Islam hari ini

jalan untuk menyeragamkan sistem perundangan Syariah di negara ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kes terbaru melibatkan seorang ibu, Siti Fauziah Abdul Rahman, 32, yang terpisah daripada anaknya walaupun Mahkamah Syariah Terengganu telah memberikan hak penjagaan kepadanya, ekoran ‘dilarikan’ oleh bekas suaminya beliau, Mohsen Mohd. Noor.

Nasib Siti Fauziah bertambah malang apabila turut hilang hak penjagaan selepas Mahkamah Tinggi Syariah Kedah memerintahkan hak penjagaan anak diberikan kepada Mohsen.

Alasan yang diberikan oleh Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah Alor Star ialah mereka tidak tahu menahu kes itu telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah Terengganu.

Pada Oktober lalu, akhbar turut menyiarkan mengenai penderitaan seorang lagi ibu, Aida Melly Tan Mutalib, 36, yang digantung tidak bertali selama lebih tujuh tahun selepas bekas suaminya memfailkan pelbagai rayuan untuk menghalang beliau daripada mendapatkan talak.

Mahkamah Syariah menerima kritikan selepas Jabatan Agama Islam Selangor menyelesaikan kes Aida Melly itu dalam masa empat bulan sahaja.

Di **Pulau Pinang**, Abdul Hamid Zainal Abidin hari ini berkata, Dr. Mahathir akan mengadakan mesyuarat khas dengan semua majlis agama dan pihak yang terlibat dengan perundangan mahkamah syariah bagi membincangkan isu penyeragaman undang-undang Islam.

Katanya, walaupun kerajaan telah berusaha untuk menyeragamkan undang-undang syariah dan Enakmen Kekeluargaan Islam antara majlis-majlis agama negeri, ia masih mengalami pelbagai masalah daripada aspek teknikal.

“Oleh itu mesyuarat yang diadakan itu akan membuka ruang perbincangan mengenai masalah-masalah teknikal yang timbul walaupun penyeragaman undang-undang berkenaan telah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja.

“Kerajaan serius dalam usaha untuk menyeragamkan undang-undang syariah untuk kepentingan rakyat dan sebab itu kita memperkenalkan e-Syariah bagi membo-